

RM20 bilion nilai kontrak untuk SSP

KUALA LUMPUR - Mass Rapid Transit Corp Sdn. Bhd. (MRT Corp) telah menganugerahkan nilai kontrak lebih RM20 bilion untuk membina Laluan Sungai Buloh-Serdang Putrajaya (SSP) sehingga bulan Jun 2016.

Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Awam, Datuk Najmuddin Abdullah berkata, daripada 72 pakej, MRT Corp telah memberikan 16 pakej iaitu tujuh pakej kerja-kerja lanjutan, empat pakej kerja jejambat; dua pakej kontraktor dan pembekal ditetapkan dan tiap satu untuk pakej kerja depoh serta pakej kerja di bawah tanah.

“Untuk pakej kerja di bawah tanah bernilai RM15.47 bilion, MRT Corp telah memberikannya kepada MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn. Bhd. untuk membina 11 stesen di bawah tanah meliputi 13.5 kilometer trek MRT.

“Daripada 10 pakej kerja jejambat, empat pakej kerja telah diberikan kepada syarikat,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Najmuddin menerangkan, pakej V201 bernilai RM1.4 bilion telah diberikan kepada Sunway Construction Sdn. Bhd. untuk membina tiga stesen baharu. -Bernama